

**Dr Salmah
(tengah)
bersama-
sama peserta
Jelajah Ke
Zaman Silam
Melaka**

info

→ **Seni bina Muzium**
Istana Kesultanan Melayu Melaka adalah hasil daripada imaginasi pelukis berdasarkan karya agung sastera Sulalatus Salatin
→ **Sulalatus Salatin yang** menceritakan mengenai kesenian dan sistem sosial itu jelas membuktikan bahawa sejarah dan sastera berkait rapat dalam kehidupan masyarakat



Jelajah ke zaman silam Melaka

BERITA HARIAN

8/3/2018 p-v49

Melaka: Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) mengadakan lawatan ke tiga muzium di negeri ini, baru-baru ini.

Lawatan bagi meneroka sejarah lampau Melaka itu membatikan Istana Kesultanan Melayu Melaka, Muzium Islam Melaka dan

Muzium Samudera.

Program yang bertemakan Jelajah ke Zaman Silam Melaka itu bertujuan untuk mengenal pasti hubung kait antara teks karya agung dengan artifak silam sekali gus mengenal pasti dunia sastera melalui muzium yang terdapat di Melaka.

Pengarah projek merang-

kap pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr Salmah Jan Noor Muhammad, berkata, lawatan itu membabitkan 46 peserta yang terdiri daripada pelajar kursus karya agung Melayu itu.

Memberi ikhtibar

Beliau berkata, lawatan itu juga bertujuan untuk mem-

perkenalkan sastera kepada masyarakat terutama generasi muda.

Katanya, sepanjang program berlangsung diharapkan dapat memberi ikhtibar kepada pelajar berkaitan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.

“Dokumentari kehidupan masyarakat zaman dahulu

ini dapat dilihat dalam hubungan diplomatik, sistem beraja, undang-undang dan adat istiadat.

“Ia sekali gus dapat membantu masyarakat untuk mengenali sejarah dan sastera dengan lebih dekat serta melihat kepentingan sejarah dalam pembinaan tamadun sesuatu bangsa,” katanya.